

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JKE 315 – Ekonomi Malaysia**

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan. Soalan Bahagian A hendaklah dijawab di dalam Borang OMR. Soalan Bahagian B hendaklah dijawab di ruangan kosong yang disediakan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Bahagian A diperuntukkan 25 markah dan Bahagian B diperuntukkan 75 markah.

**BAHAGIAN A (25 markah)**

Jawab SEMUA soalan berikut.

Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan yang terbaik daripada laternatif yang disediakan. Tandakan pilihan anda dalam borang OMR.

1. Penjajahan British dikatakan menyebabkan ciri-ciri ekonomi berikut, kecuali:
  - A. Kemunculan sektor pertanian moden dan berorientasi eksport
  - B. Keterbukaan ekonomi kepada perdagangan antarabangsa
  - C. Infrastruktur ekonomi yang sederhana
  - D. Ketidakstabilan ekonomi akibat perubahan kitaran perniagaan
  - E. Pergantungan kepada pelaburan dan teknologi asing

---

2. Berikut adalah ciri-ciri sektor perladangan sektor pertanian berbanding dengan sektor pekebun kecil, kecuali:
  - A. Lebih intensif modal
  - B. Lebih tinggi teknologi
  - C. Pengeluaran berorientasikan eksport
  - D. Tertumpu kepada tanaman terpilih/eksport
  - E. Lebih mudah menukar dari sejenis tanaman kepada yang lain
3. Corak pembangunan sektor pertama semasa penjajahan telah menyebabkan ciri-ciri ekonomi berikut, kecuali:
  - A. menghasilkan asas ekonomi yang agak sempit
  - B. menyebabkan masalah dualisme struktur ekonomi
  - C. memajukan industri-industri pemprosesan bahan mentah
  - D. membangunkan sistem prasarana ekonomi yang sederhana
  - E. mengintegrasikan negara kita dengan ekonomi antarabangsa
4. Industri kelapa sawit Malaysia menghadapi cabaran-cabaran berikut, kecuali:
  - A. Sebagai komoditi utama, ia menghadapi masalah ketidakstabilan harga.
  - B. Keanjalan penawaran agak rendah sebab tempoh pertumbuhan yang panjang
  - C. Kos pengeluaran yang semakin tinggi sebab kenaikan harga input pertanian.
  - D. Kehausan tanah yang sesuai untuk penanaman kelapa sawit
  - E. Persaingan yang hebat daripada minyak dan lemak yang lain

5. Aktiviti kuari dimasukkan ke dalam sektor pertama sebab ia merupakan aktiviti yang
- melibatkan pemerosesan pertama
  - melibatkan kemudahan dan perkhidmatan
  - berkait secara langsung dengan mengeluarkan sumber semula jadi
  - memeroseskan hasil yang sudah diperolehi atau dihasilkan
  - sebahagian besar outputnya barang siap untuk penggunaan terakhir
6. Perundangan yang manakah berkait dengan Peringkat Perindustrian Gantian Import Pertama?
- Akta Galakan Pelaburan 1968
  - Akta Penggalakan Pelaburan 1986
  - Akta Penyelarasan Perindustrian 1975
  - Akta Zon Perdagangan Bebas 1971
  - Ordinan Taraf Perintis 1958
- 
7. Perundangan yang manakah berkait dengan Peringkat Perindustrian Penggalakan Eksport Kedua?
- Akta Galakan Pelaburan 1968
  - Akta Penggalakan Pelaburan 1986
  - Akta Penyelarasan Perindustrian 1975
  - Akta Zon Perdagangan Bebas 1971
  - Ordinan Taraf Perintis 1958
8. Berikut adalah manfaat pelaburan asing terhadap ekonomi Malaysia, kecuali:
- Peningkatan teknologi perkilangan
  - Pengaliran masuk dana kewangan dalam bentuk modal pelaburan
  - Ekonomi terbuka yang terdedah kepada kuasa pasaran antarabangsa
  - Pengaliran keluar pendapatan pelaburan
  - penggunaan tenaga pekerja tempatan
9. Berikut adalah ciri-ciri sektor pembuatan pada awal 1990-an, kecuali:
- Sumbangan terbesar terhadap KDNK
  - Sumbangan terbesar terhadap guna tenaga
  - Sumbangan terbesar terhadap eksport kasar
  - Tertumpu pada industri elektrik dan elektronik
  - Sebahagian besar permintaan berpunca daripada permintaan sektor pembinaan

10. Pelaburan swasta dalam sektor pembuatan semakin menurun pada pertengahan 1990-an atas sebab-sebab berikut, kecuali:
- A. kehausan pasaran domestik yang memang kecil
  - B. peningkatan paras harga umum yang meningkatkan kos menjalankan perniagaan
  - C. kesesakan kemudahan prasarana untuk menampung aktiviti ekonomi yang semakin bertambah
  - D. kos buruh yang semakin meningkat
  - E. pasaran asing yang semakin tertutup
11. Berikut adalah matlamat Pelan Induk Perindustrian 1 yang bermula pada tahun 1986, kecuali:
- A. Mempercepatkan pertumbuhan sektor pembuatan
  - B. Menggunakan sumber asli negara secara maksimum dan cekap
  - C. Membina asas untuk menjadi sebuah negara perindustrian yang maju
  - D. Menyediakan rancangan bagi tempoh 20 tahun
  - E. menggalakkan terutamanya industri-industri yang berdasarkan sumber
- 
12. Pelan Induk Perindustrian 1 mengakui bahawa perindustrian Malaysia bercirikan berikut, kecuali:
- A. Struktur perindustrian Malaysia tidak seimbang
  - B. Asas sektor pembuatan agak sempit
  - C. Tertumpu pada beberapa industri yang intensif teknologi tinggi
  - D. Industri gantian import telah diberi terlalu banyak perlindungan
  - E. Terlalu bergantung kepada pelaburan asing dalam aspek teknologi, pemasaran dan penawaran komponen
13. Berikut adalah ciri-ciri istimewa sektor pembinaan, kecuali:
- A. Permintaan outputnya merupakan permintaan terbitan
  - B. Mengalami keruapan yang lebih besar dari sektor-sektor lain
  - C. Sebahagian besar permintaan berpunca daripada sektor swasta
  - D. Keluaran sektor pembinaan selalunya tahan lama dan agak mahal
  - E. Kerja-kerja pembinaan secara amnya amat intensif buruh
14. Perkhidmatan kuaternari melibatkan perkhidmatan-perkhidmatan:
- A. pengeluar dan pengagihan
  - B. sistem dan rangkaian untuk memasarkan barang
  - C. sistem dan rangkaian untuk memudahkan kontrak & pemilikan
  - D. sistem dan rangkaian untuk menghantar barang kepada pembeli
  - E. Tiada jawapan di atas

15. Pernyataan-pernyataan berikut tentang sektor perkhidmatan Kerajaan Persekutuan Malaysia adalah benar, kecuali:
- Nilai jumlah perbelanjaan pembangunan biasanya lebih besar daripada perbelanjaan mengurus
  - Sebagai peratusan daripada KDNK, jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan paling tinggi pada awal dekad 1980-an
  - Kedudukan akaun semasa Kerajaan Persekutuan sentiasa menikmati lebihan setiap tahun
  - Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan secara keseluruhan menikmati lebihan dari tahun 1991 ke tahun 1996
  - Dalam peruntukan perbelanjaan pembangunan, perkhidmatan ekonomi biasanya menerima peruntukan yang paling tinggi
- 
16. Dasar penswastaan di Malaysia telah membawa implikasi berikut, kecuali:
- saiz sektor awam telah makin menurun secara relatif
  - Pengguna terpaksa menanggung kos perkhidmatan yang lebih tinggi
  - Penerbitan saham baru di Bursa Saham Kuala Lumpur didominasikan oleh syarikat-syarikat penswastaan pada dekad 1990.
  - Keberkesanan sektor awam untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi telah berkurangan
  - Dasar fiskal menjadi kurang berkesan untuk mencapai objektif pengurusan makroekonomi
17. Antara berikut, butiran manakah yang biasanya paling besar nilai sumbangan kepada hasil Kerajaan Persekutuan?
- Cukai jualan
  - Cukai pendapatan perseorangan
  - Cukai pendapatan syarikat
  - Duti import dan cukai tokok
  - Duti eksport
18. Defisit akaun semasa Malaysia disebabkan terutamanya oleh
- defisit akaun dagangan eksport
  - defisit akaun dagangan import
  - defisit akaun perkhidmatan
  - defisit akaun pindahan
  - defisit imbangan pelancongan

19. Punca paling utama yang menyebabkan defisit akaun semasa Malaysia ialah
- A. pengaliran keluar pendapatan pelaburan
  - B. pengaliran keluar tambang dan insurans
  - C. pengaliran keluar pelancongan dan pelajaran
  - D. pengimportan barang pelaburan
  - E. pengimportan barang penggunaan
20. Dalam akaun imbalan pembayaran negara kita, kita sering mengalami kurangan yang banyak dengan negara Jepun dalam
- A. akaun semasa
  - B. akaun dagangan
  - C. akaun perkhidmatan
  - D. akaun dagangan import
  - E. akaun modal dan cadangan
- 
21. Lebihan yang tinggi dalam akaun dagangan barang boleh memburukkan kedudukan akaun perkhidmatan kerana:
- A. lebih besar pengaliran keluar pendapatan pelaburan
  - B. lebih banyak buruh asing diperlukan
  - C. penggunaan perkapalan asing untuk mengeksportkan barang
  - D. barang eksport mempunyai kandungan import yang tinggi
  - E. sebahagian perolehan eksport akan digunakan untuk mengimport barang pengguna
22. Antara tahun 1960 dan 1997, apakah perhubungan kadar pertumbuhan sektor kewangan dan KNK pada keseluruhannya?
- A. Kedua-duanya berkembang pada kadar yang hampir sama
  - B. Kadar pertumbuhan KNK lebih cepat daripada kadar pertumbuhan jumlah aset kewangan
  - C. Kadar pertumbuhan jumlah aset kewangan lebih cepat daripada kadar pertumbuhan KNK
  - D. Kadar pertumbuhan kedua-duanya tidak pernah melebihi 10% setahun
  - E. Kadar pertumbuhan jumlah aset kewangan melebihi 10% setahun pada kebanyakan tahun

23. Antara dasar-dasar kerajaan berikut, yang manakah boleh dianggap sebagai usaha kerajaan untuk pemulihan ekonomi daripada kemelesetan ekonomi pertengahan dekad 1980-an?
- A. Rancangan Malaysia Keempat
  - B. Rancangan Malaysia Keenam
  - C. Pelan Induk Perindustrian I
  - D. Pelan Induk Perindustrian II
  - E. Dasar Pandang Ke Timur
24. Pada permulaan krisis ekonomi 1997/98, pasaran yang manakah yang mula-mula sekali teruk terjejas?
- A. pasaran ekuiti
  - B. pasaran sekuriti kerajaan
  - C. pasaran pertukaran asing
  - D. pasaran bon swasta
  - E. pasaran deposit
- 
25. Pengurusan Danaharta Nasional ditubuhkan untuk melegakan beban sistem perbankan melalui usaha
- A. menyuntik dana baru ke dalam bank-bank yang lemah
  - B. mengambil alih pinjaman bank yang tidak berbayar
  - C. membersihkan dan meringankan portfolio liabiliti bank-bank
  - D. membersihkan dan meringankan portfolio aset bank-bank
  - E. membantu penstrukturran semula hutang pinjaman korporat kepada bank-bank

**BAHAGIAN B (75 markah)**

Jawab SEMUA soalan.

Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan sahaja.  
Semua jalan pengiraan mesti ditunjukkan.

2. (a) Pada September 1998, Kerajaan Malaysia telah mengenakan beberapa kawalan terpilih untuk mengatasi krisis ekonomi 1997/98.

- i) Terangkan secara ringkas tiga bentuk kawalan yang utama.
- 

(6 markah)

- ii) Huraikan secara ringkas tiga matlamat utama kawalan-kawalan itu.

(9 markah)  
...9/-

(b) Pelaburan asing secara langsung (PA) dikatakan telah memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan ekonomi negara kita.

i) Huraikan kesan PA terhadap imbalan pembayaran negara kita

---

(6 markah)

ii) Huraikan kesan PA terhadap pergantungan ekonomi antarabangsa

(6 markah)  
...10/-

3. Berikut adalah kadar pertukaran asing Ringgit Malaysia (RM) pada 31 Oktober 2002.

1 Dollar AS	RM3.80
100 Baht Thai	RM8.92
100 Peso Filipina	RM7.37
100 Rupiah Indonesia	RM0.044

- (a) Gunakan maklumat di atas untuk mendapatkan kadar pertukaran mata wang masing-masing untuk seunit dolar AS, dan seterusnya masukkannya ke dalam lajur terakhir Jadual 1 yang menunjukkan kadar pertukaran asing beberapa buah negara terpilih.

Jadual 1: Kadar Pertukaran Asing bagi seunit dolar AS

	1 Julai 97	12 Jan. 98	31 Ogos 98	31 Okt. 02
Malaysia	RM2.52	RM4.64	RM4.18	
Thailand	B24.35	B55.80	B41.81	
Filipina	P26.35	P43.70	P43.60	
Indonesia	R2,431	R8,692	R11,068	

(8 markah)

- (b) Hitungkan kadar penyusutan nilai mata wang masing-masing pada 31 Oktober 2002 berbanding dengan kadarnya pada 1 Julai 1997, dan isikan jawapan anda di dalam jadual di bawah:

Jadual 2: Kadar Penyusutan Nilai Mata Wang Terpilih

Negara	Thailand	Filipina	Indonesia	Malaysia
Kadar penyusutan nilai mata wang				

(4 markah)

- (c) Sekiranya kadar pertukaran asing boleh dianggap sebagai satu petunjuk prestasi ekonomi selepas krisis ekonomi 1997/98, apakah komen anda tentang prestasi ekonomi masing-masing dalam tempoh berkenaan, seperti ditunjukkan dalam Jadual 2?
- 

4

(12 markah)  
...12/-

4. Dengan menggunakan Jadual A.42 (Indeks Harga Pengguna Malaysia) yang dilampirkan, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Siri IHP 1960-1992 yang ditunjukkan dalam Jadual A.42 menggunakan beberapa tahun asas yang berlainan.
- i) Senaraikan tahun-tahun asas yang digunakan dalam tempoh 1960-1992 seperti ditunjukkan dalam Jadual A.42?

---

(4 markah)

- ii) Beri dua sebab mengapa tahun asas harus diubahsuaikan dari masa ke semasa.

(4 markah)

(b) Dalam Jadual A.42, siri IHP 1960-1992 dibahagikan kepada empat tempoh yang berlainan.

- i) Dalam tempoh masa yang mana satukah perubahan paras harga umum Malaysia paling cepat? Tunjukkan angka-angka yang menyokong pendapat anda.

(3 markah)

- ii) Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor makroekonomi yang menyebabkan kadar pertumbuhan harga yang paling cepat dalam tempoh berkenaan?

(4 markah)

- 
- (c) Jadual A.42 menunjukkan bahawa indeks harga keseluruhan dibahagikan kepada sembilan kumpulan dengan wajaran yang berlainan.

- i) Kenalpasti dua kumpulan yang mengalami perubahan paling besar dalam pengagihan wajarannya, dan tunjukkan perubahan wajarannya dalam tempoh 1960-1992.

(5 markah)

- ii) Bagaimanakah perubahan wajaran dua kumpulan itu berkait dengan perubahan struktur ekonomi negara kita dalam tempoh berkenaan?

(4 markah)

## STATISTICAL APPENDIX

Table A.42 Malaysia: Consumer Price Index<sup>1</sup>

Period <sup>2</sup>	Retail Price Index (1959=100)									
	Total	Food	Drinks, tobacco and sirih	Clothings	Rent, house repairs etc <sup>3</sup>	Fuel and power	Household goods	Transport	Services and entertainment	Sundries
	Weights									
	100.0	67.1	7.1	4.9	4.4	3.3	1.9	3.1	4.6	3.6
1960	99.8	99.6	99.5	101.7	100.1	98.2	99.9	101.7	99.8	101.9
1961	99.6	99.1	99.3	101.9	100.6	97.5	99.6	101.7	99.5	106.1
1962	99.7	100.1	99.9	101.5	100.5	97.3	100.0	101.6	85.4	107.5
1963	102.8	104.4	100.7	100.4	100.9	97.2	99.9	102.7	88.2	107.4
1964	102.4	103.8	101.1	100.7	101.2	95.8	100.0	103.1	88.2	107.6
1965	102.3	102.8	102.2	101.3	102.4	95.4	100.9	109.0	88.5	112.4
1966	103.7	104.3	103.9	102.7	102.6	95.0	100.8	109.2	93.8	111.9
1967	108.0	110.3	104.9	103.0	103.8	97.3	101.5	109.4	94.9	112.4
	Consumer Price Index (1967=100)									
	Total	Food	Beverages and tobacco	Clothing and footwear	Gross rent, fuel and power	Furniture, furnishing and household equipment	Medical care and health expenses	Transport and communi- cation	Recreation, entertainment, education and cultural services	Miscellaneous goods and services
	Weights									
	100.0	46.8	8.9	4.8	9.4	6.6	2.0	10.4	5.6	5.5
1968	99.8	98.5	100.4	100.5	100.3	100.3	100.5	101.2	103.9	101.3
1969	99.4	97.1	100.7	100.9	100.5	101.9	100.7	100.7	104.5	103.3
1970	101.3	99.1	102.8	102.3	101.1	105.5	101.8	102.8	106.3	103.5
1971	102.9	100.6	103.5	103.0	102.0	108.2	102.6	103.8	111.1	106.1
1972	106.2	103.8	107.2	105.8	102.8	114.0	103.4	106.5	115.5	112.8
1973	117.4	120.3	108.6	129.0	104.3	128.6	107.8	109.4	119.8	122.5
1974	137.8	151.7	110.7	144.1	111.5	150.5	116.4	119.7	126.9	140.4
1975	144.0	157.4	121.2	143.3	118.9	157.8	122.4	127.1	129.5	147.9
1976	147.7	160.5	122.8	146.9	125.6	161.7	135.2	133.4	130.3	151.3
1977	154.8	169.3	127.3	152.6	133.2	167.3	140.9	138.1	132.7	159.4

<sup>1</sup> Annual Indices are simple averages of monthly indices<sup>2</sup> Data up to 1960 refers to Consumer Price Index (1967=100) for Peninsular Malaysia<sup>3</sup> This item has base 1960=100, since no reliable figures are available for 1959

## STATISTICAL APPENDIX

Table A.42 Malaysia: Consumer Price Index<sup>1</sup> (cont'd)

Period <sup>2</sup>	Consumer Price Index (1967=100)									
	Total	Food	Beverages and tobacco	Clothing and footwear	Gross rent, fuel and power	Furniture, furnishing and household equipment	Medical care and health expenses	Transport and communication	Recreation, entertainment, education and cultural services	Miscellaneous goods and services
	Weights									
	100.0	46.8	8.9	4.8	9.4	6.6	2.0	10.4	5.6	5.5
1978	162.4	177.7	133.8	157.9	139.9	174.2	146.0	146.3	135.5	170.2
1979	168.3	181.7	135.6	168.1	149.1	181.0	155.3	151.5	138.8	191.7
1980	179.5	188.3	144.5	179.5	163.4	194.2	167.0	161.8	144.1	246.0
Consumer Price Index (1980=100)										
	Weights									
	100.0	36.9	4.9	4.6	18.1	5.9	1.3	16.6	6.9	5.5
1981	109.7	111.4	113.9	109.5	109.9	106.4	109.0	107.9	105.5	109.1
1982	116.1	120.6	121.4	114.1	116.8	109.6	114.4	111.5	108.1	111.7
1983	120.4	121.7	147.5	118.6	123.9	112.3	130.0	114.2	107.4	118.8
1984	125.1	126.2	152.7	121.6	133.3	113.4	131.5	119.9	104.6	120.7
1985	125.5	123.1	154.6	122.8	138.9	113.6	134.6	122.5	103.4	120.7
1986	126.4	123.4	157.1	123.2	141.1	114.4	136.6	123.0	103.5	122.3
1987	126.8	121.8	165.9	121.7	139.0	115.4	136.3	126.9	106.6	123.0
1988	130.0	126.4	168.4	124.3	136.2	118.7	138.3	135.4	108.3	125.3
1989	133.7	131.1	170.7	126.4	135.1	122.0	140.6	144.7	108.9	128.6
1990	137.8	136.6	176.6	128.6	135.6	124.2	144.3	151.9	109.8	122.4
Consumer Price Index (1990=100)										
	Weights									
	100.0	33.7	4.3	4.0	20.2	5.8	1.8	18.6	5.2	6.4
1990	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
1991	104.4	104.8	107.8	106.2	103.0	104.4	105.3	104.2	102.6	103.6
1992	109.3	111.7	117.1	109.4	106.8	107.2	109.0	108.8	105.6	105.9

<sup>1</sup> Annual indices simple averages of monthly indices.<sup>2</sup> Data up to 1980 refers to Consumer Price Index (1967=100) for Peninsular Malaysia.